

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]**  
**TARIKH : 11.6.2014**  
**SOALAN :**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. adakah Kementerian bercadang untuk menambah kursus-kursus di Universiti Teknologi Mara, Machang; dan
- b. adakah Kementerian bercadang untuk memperbesarkan kampus UiTM cawangan Machang kerana masih terdapat 300 ekar tanah kosong di kawasan berhampiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa, kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Machang, Kelantan akan memperkenalkan empat (4) program, iaitu:

<b>Tahun</b>	<b>Program Pengajian</b>
<b>2014</b>	<b>Sarjana Pentadbiran Perniagaan</b>
<b>2015</b>	<b>Sarjana Muda Peruncitan</b>
	<b>Sarjana Muda Ekonomi Islam</b>
	<b>Diploma Muamalat</b>

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah IPTA dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujahan (niche area) tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja tempatan. pihak Kementerian belum bercadang untuk memperbesarkan kampus UiTM Cawangan Machang, Kelantan.

Rjm39